

23/05/2004

Program khusus bantu 14,000 anak yatim hidap HIV/Aids

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang merangka program khusus untuk membantu lebih 14,000 anak yatim dari keluarga penghidap HIV/Aids di seluruh negara.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata usaha yang diterajui Majlis Aids Malaysia (MAM) itu dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beliau berkata, masalah anak yatim HIV/Aids yang dianggarkan mencecah lebih 14,000 mengikut laporan Program Bersama PBB mengenai HIV/Aids (UNAIDS) itu memerlukan tindakan susulan segera bagi memastikan masa depan mereka terjamin.

Katanya, anak yatim terbabit merangkumi dua kategori utama iaitu kanak-kanak yang menghidap HIV/Aids daripada ibu atau bapa mereka dan kanak-kanak yang bebas daripada jangkitan itu tetapi ibu atau bapa mereka menghidap HIV/Aids.

"Saya memberi jaminan akan berbincang dengan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Datuk Shamsiah Abdul Rahman, Isnin ini untuk memastikan program jangka panjang bagi menangani masalah ini dirangka dalam masa terdekat.

"Perkara ini perlu dilihat secara terperinci seperti aspek penyediaan infrastruktur untuk anak yatim terbabit, termasuk dari segi tempat tinggal, sesi kaunseling, melantik pegawai kebajikan yang akan ditugaskan membantu dan menguruskan anak yatim terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ke-7 MAM di sini, semalam.

Turut hadir ialah Presiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir.

(END)